

15/05/2000

Zaharah digugur

KUALA LUMPUR, Ahad - Sembilan Ketua Perhubungan Wanita Umno negeri termasuk Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman, digugurkan dalam rombakan barisan kepimpinan pergerakan itu yang diumumkan hari ini.

Hanya tiga Ketua Perhubungan Wanita Umno negeri dikekalkan, iaitu Mastika Junaidah Husin (Perlis), Saripah Aminah Syed Mohd (Pulau Pinang) dan Datuk Napsiah Omar (Negeri Sembilan) manakala kedudukan Aionon Khariyah Mohd Abas (Perak), belum diputuskan.

Tempat Siti Zaharah sebagai Ketua Perhubungan Wanita Umno Pahang diambil alih oleh Pengerusi Jawatankuasa Kebudayaan, Kesenian, Pelancongan dan Hal Ehwal Wanita Pahang, Maznah Mazlan.

Pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat exco pertama Wanita Umno selepas Perhimpunan Agung Umno yang berakhir semalam, Ketua pergerakan itu, Datuk Seri Rafidah Aziz, bagaimanapun menolak andaian bahawa pengguguran Siti Zaharah mempunyai unsur membalas dendam.

Katanya, beliau tidak menganggap mana-mana pemimpin atau ahli Wanita Umno sebagai penyokongnya atau penyokong Siti Zaharah melainkan sebagai ahli Umno.

"Itu senarai negatif, ini senarai positif," katanya merujuk andaian pihak yang membandingkan senarai kepimpinan lama dengan baru.

Ditanya sama ada pengguguran Siti Zaharah akan menggugat usaha menyatupadukan semula ahli pergerakan itu, Rafidah berkata perpaduan Wanita Umno tidak bergantung kepada jawatan tetapi niat setiap ahli.

"Menyatu padu tak perlu dengan proses, menyatu padu dengan hati. Saya dulu pun tidak menjadi ketua wanita apa-apa pun, tetapi tak juga cerai berai, jalan juga kerja," katanya.

Pada pemilihan Wanita Umno Rabu lalu, Rafidah mengalahkan Siti Zaharah dengan kelebihan 12 undi untuk merampas kembali jawatan yang terlepas kepada Siti Zaharah pada pemilihan 1993 dengan perbezaan 27 undi.

Mengenai kegagalan lima calon Wanita memenangi jawatan Majlis Tertinggi, Rafidah berkata beliau sudah mengutus surat kepada Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, meminta beliau melantik sekurang-kurangnya dua wakil wanita.

"Saya serah kepada Dr Mahathir untuk menentukannya," katanya sambil menambah tiada nama ahli Wanita tertentu dikemukakan kepada Perdana Menteri.

Pada sidang akhbar itu, Rafidah juga mengumumkan pelantikan Senator Faridah Abu Hassan sebagai Setiausaha, Azizah Samad sebagai Bendahari dan Seripah Noli sebagai Ketua Penerangan. Pengerusi 20 biro pergerakan itu juga dilantik.